

# 1,000 isi rumah di Tengah daftar bagi sistem alat dingin berpusat

HAMPIR 1,000 isi rumah telah mendaftar bagi sistem alat dingin berpusat (CCS) di 8,000 flat Bina-Ikut-Tempahan (BTO) di bandar Tengah.

Pemilik rumah yang memilih sistem cekap tenaga ini dijangka meraih penjimatan sekitar 15 hingga 20 peratus kos pendahuluan dan sebanyak 30 peratus dalam kos kitaran hidup, kata SP Group, yang menguruskan sistem itu.

CCS merupakan salah satu daripada ciri pintar yang akan dilaksanakan di Tengah, bandar yang disebut sebagai 'tenaga pintar' yang digerakkan oleh kecerdasan buatan (AI).

Di bawah sistem CCS, air dingin akan disalurkan ke rumah dari unit penyejuk yang dipasang di bumbung Blok HDB yang terpilih.

Menurut, SP Group, ini adalah cara yang lebih menjimatkan tenaga berbanding sistem hawa dingin konvensional.

Sistem ini akan memanfaatkan tenaga suria yang dihasilkan oleh panel solar di bumbung blok HDB.

Para pengguna juga dapat memantau dan menangani penggunaan tenaga rumah mereka melalui aplikasi MyTengah.

SP juga akan memasang huraian tenaga pintar yang lain untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan cara hidup gaya lestari.

Papan pemuka digital akan dipasang



**JIMAT TENAGA:** Satu aplikasi mengawal suhu unit alat hawa dingin dipapar di MyTengah Experience Centre. – Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

di lobi lif setiap blok perumahan, yang mengesan penggunaan utiliti dan kesan-nya terhadap alam sekitar.

“Papan eko ini akan mengongsi petua-petua mengurangkan penggunaan elektrik dan air, disamping mempromosikan budaya gaya hidup lestari melalui pelbagai pertandingan penjimatan utiliti antara blok,” kata SP group.

Penduduk dan orang ramai boleh mengunjungi Pusat Pengalaman My Tengah baru di Hub HDB di Toa Payoh untuk mengetahui lebih lanjut mengenai huraian mesra alam lain yang dilaksanakan di Tengah.

Pusat pengalaman ini akan dibuka dari 8 pagi hingga 5 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.